

12/04/2000

Simposium jati diri Melayu abad 21

Abdul Jalil Ishak

UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan menganjurkan simposium sehari bertemakan 'Jati Diri Melayu Abad 21' di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 29 April ini.

Naib Canselor UPSI (Akademik), Prof Dr Abu Bakar Nordin, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan dan menyampaikan ucapan utama pada majlis itu.

Katanya, majlis bermula jam 8.45 pagi dan dijangka tamat jam enam petang.

Beliau berkata sebanyak dua kertas kerja akan dibentangkan membincangkan masa depan orang Melayu menghadapi cabaran dan tuntutan alaf baru dalam pelbagai lapangan kehidupan.

"Kertas kerja pertama, empat pembentangnya ialah Datuk Khalid Yunus, Tan Sri Prof Emeritus Dr Awang Had Salleh, Datuk Mohd Zahid Hamidi dan Tan Sri Muhammad Mohd Taib akan membicarakan mengenai pendidikan, agama dan sosial.

"Ia akan dipengerusikan Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Dr Abdul Rahman Daud, yang juga pensyarah di UPSI," katanya ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Prof Abu Bakar berkata, kertas kerja kedua mengenai siasah, ekonomi dan teknologi maklumat akan dibincangkan enam tokoh cendekiawan iaitu Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, Datuk Ruhanie Ahmad, Firdaus Ismail, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Prof Abdul Rahim Salam.

"Datuk Abdul Aziz Shamsuddin akan merasmikan majlis penutupan pada jam lima petang," katanya.

Beliau berkata pada malamnya pula, satu majlis pelancaran Kursi Za'ba akan dilakukan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun. Majlis Makan Malam itu turut diserikan persembahan Kebudayaan universiti terbabit.

(END)